



# *BAB SATU*

# **PENGENALAN KEPADA SENI ISLAM**

## **1.1 PENGENALAN**

Dalam Islam, tiada pemisah antara dunia dan akhirat, sama ada dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan juga dalam urusan peribadi. Islam sebagai satu agama, menitikberatkan semua bidang dan memberi ruang yang luas kepada bidang-bidang tersebut termasuklah seni dan budaya. Walau bagaimanapun, ia hendaklah di dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syariat Islam.

Kesenian merupakan satu aspek dari kebudayaan sejagat iaitu kebudayaan universal yang ditemukan dalam setiap kebudayaan manusia. Kemunduran kebudayaan Islam yang bermula dengan kejatuhan peradaban Islam yang berpusat di Baghdad dan Kardova dalam kurun ke-13 menyebabkan ruang lingkup agama Islam mengalami penyempitannya. Cuma yang menonjol hanyalah aspek ritualnya sahaja. Ramai yang memandang Islam adalah semata-mata berkaitan dengan keagamaan sahaja iaitu hanya menitikberatkan tentang hubungan antara manusia dengan Tuhan.

Berbalik kepada soal kesenian, tentunya ramai yang masih beranggapan terdapat jurang pemisahan antara seni dan agama dalam Islam dan dengan kata lain agama Islam tidak menitikberatkan seni. Selain itu, terdapat juga para orientalis dan sekularis yang cuba memainkan peranan utama bagi mengaburi pemikiran manusia daripada memahami peranan seni dalam Islam yang telah melahirkan peradaban yang unggul di alam ini.

Justeru itu, sebagai permulaannya penulis cuba menerangkan definisi seni yang dikemukakan oleh beberapa orang penulis dan kemudiannya mengemukakan satu analisis ringkas tentang seni dalam Islam. Sehingga hari ini masih menjadi persoalan, adakah terdapat jurang pemisah antara seni dan agama? Ini kerana, dalam kebangkitan Islam dan juga pengaruh kebudayaan sekularisme yang sedang meluas, tentunya timbul pelbagai masalah tentang pemahaman kesenian dalam Islam.

Seterusnya ciri-ciri kesenian Islam juga perlu diberi perhatian untuk membezakan antara kesenian Islam dan kesenian bukan Islam. Tentunya persejaraan kelahiran kesenian Islam ini perlu dihuraikan untuk membuktikan asal-usulnya kerana setiap sesuatu tentu ada asal-usul tersendiri. Evolusi dan perkembangan seni Islam yang terdapat dalam Al-Qur'an akan dikemukakan dan diadunkan dengan bukti-bukti sejarah pada zaman dahulu.

## 1.2 DEFINISI SENI

Umumnya, sesuatu ciptaan yang indah, cantik dan menyenangkan adalah seni. Tetapi, pelbagai definisi telah diberikan oleh beberapa penulis untuk memperjelaskan maksud seni. Walaupun mereka menggunakan pelbagai ayat ataupun perkataan yang berbeza, tetapi ianya tidak terkeluar daripada niat dan maksud yang sama.

Menurut buku *The Hutchinson Encyclopedia, 1997 Edition*, Seni atau "Art" secara umumnya bermaksud semua proses dan produk kemahiran manusia, imiginasi dan ciptaan iaitu sesuatu yang berlawanan dengan sifat semulajadinya. Di dalam penggunaan semasa pula, "Art" didefinisikan sebagai sesuatu kriteria yang estetika dan ianya meliputi kesusasteraan, muzik, drama, lukisan dan ukiran (*The Hutchinson Encyclopedia, 1997*).

Begitu juga definisi yang diberikan oleh *Kamus Dewan*. Seni dari segi bahasa bermaksud halus, manakala dari segi istilah pula ia bermaksud sesuatu karya sama ada sajak, lukisan, muzik yang dicipta dengan bakat kecekapan ataupun hasil daripada sesuatu ciptaan (*Kamus Dewan, 1996*).

Sebenarnya apabila membicarakan tentang seni ataupun kesenian, ia tidak dapat lari daripada perkataan indah untuk menyatakan apresiasi kita betapa indah dan uniknya sesuatu karya seni. Inilah yang menyebabkan Herbert Read, di

dalam buku beliau iaitu "*The Meaning of Art*" mendefinisikan seni sebagai percubaan untuk mencipta sesuatu yang menyenangkan hati (*pleasure*) (Herbert Read, 1949:16). Beliau seterusnya menegaskan perasaan yang menyenangkan itu merupakan perasaan yang mengalami keindahan (1949:16).

Dalam membicarakan keindahan, Ku Zam Zam Ku Idris telah merujuk tulisan Roger Fry dalam artikelnya "*An Essay In Aesthetics*" dalam buku *Morris Weitz Problems In Aesthetics* menyarankan sesuatu objek yang dicipta untuk menimbulkan kesan keindahan bukan sahaja bertujuan untuk digunakan (*utility purpose*) tetapi penciptaannya dapat melahirkan rasa dihargai dan mengembirakan atau menyenangkan hati (Ku Zam Zam Ku Idris, 1984:40).

Di dalam buku *Pandangan Islam Tentang Kesenian*, Drs Sidi Gazalba menjelaskan bahawa seni adalah sebahagian daripada kebudayaan yang dicetuskan oleh sesuatu kelompok manusia kerana setiap kelompok masyarakat mempunyai fitrah semulajadi yang cinta kepada seni yang menyenangkan hati melalui pancaindera rasa yang lima. Oleh itu, manusia dikatakan sebagai makhluk seni yang cinta kepada sesuatu yang selamat, memuaskan dan memberi kepuasan hati melalui pancaindera rasa (Sidi Gazalba, 1977:10).

Dua pemikir terkenal iaitu Aristotle dan Plato juga memberi idea masing-masing tentang maksud seni ini. Aristotle mengatakan seni ialah sesuatu yang berkaitan dengan peniruan sesuatu kemunculan persembahan dan ia memberi

kesenangan melalui ketepatan dan kemahiran yang menggambarkan dunia yang sebenarnya. Manakala Plato pula mengatakan seseorang seniman sebenarnya telah diberikan ilham oleh Tuhan atau desakan hati ataupun sesuatu refleksi tanpa sedar untuk menyatakan sesuatu yang melebihi daripada sesuatu kejadian asal (The Hutchinson Encyclopedia, 1997) iaitu untuk menghasilkan sesuatu karya seni.

Daripada definisi-definisi yang diberikan oleh penulis-penulis di atas, seni dapat disimpulkan sebagai sesuatu yang indah, cantik dan halus yang dihasilkan mengikut imiginasi dan kreativiti manusia. Selain itu, ia juga boleh menghasilkan sesuatu yang menyenangkan. Kesenangan pula merupakan salah satu daripada tuntutan naluri manusia. Kesenangan dan keindahan yang mengisi hati seseorang pencipta dapat dilahirkan ke alam kenyataan melalui bentuk-bentuk tertentu sama ada artifak-artifak yang berbentuk seni bina, seni hias, seni bunyi, seni kaligrafi, seni sastera dan dan lain-lain. Kesenian itu bukanlah benda yang mati, tetapi ia merupakan sesuatu yang hidup dan bernafas dengan mekarnya, rasa yang tumbuh dalam sanubari manusia dari satu masa ke semasa (Mahayudin Hj Yahaya, 1998:428).

### **1.3 SENI DAN ISLAM**

Dalam era kebangkitan Islam dan juga dalam menghadapi cabaran kebudayaan sekularisme yang sedang meluas, sudah tentunya timbul pelbagai persoalan dan masalah tentang seni dan Islam. Persoalannya di sini, bagaimanakah

penerimaan dan pandangan Islam terhadap seni dan bagaimanakah kedudukan seni dalam Islam? Adakah seni mempunyai kaitan dengan agama ataupun tidak? Untuk mengetahui jawapannya, pengkajian dan penelitian yang sewajarnya perlu dilakukan untuk menyelesaikan persoalan yang wujud.

Islam tidak melarang umatnya menikmati keindahan selagi ia tidak bertentangan dengan larangan-larangannya. Keindahan juga merupakan salah satu ciri keesaan, kebesaran dan kesempurnaan Allah s.w.t. Allah menyintai keindahan kerana Allah itu sendiri zat yang Maha Indah. Dalam satu Hadith Nabi ada menyebut:

*“ Sesungguhnya Allah Maha Indah dan Ia sukakan keindahan”.*  
(Hadith Muslim:147)

Walau bagaimanapun, Islam melarang pembentukan seni yang melampaui batas iaitu yang boleh membawa perasaan riak, takbur, merosakkan akidah dan lain-lain seperti firman Allah dalam surah *Al-An`am*:

إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

*“Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas”*

(Al-An`am(6):141)

Seringkali kita mendengar pendapat yang mengatakan bahawa seni

adalah tidak berkaitan dengan agama Islam. Untuk mengetahui setakat mana kebenaran pendapat ini, ianya perlu diteliti dan dikaji dengan lebih mendalam lagi. Sekiranya Islam itu hanya agama sahaja, maka bererti Islam hanya menitikberatkan perhubungan manusia dengan Tuhan sahaja, tidak ada hubungan antara manusia dengan manusia atau manusia dengan alam. Tetapi, pada hakikatnya, *din al-Islam* mengatur dua contoh perhubungan iaitu hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia. Ayat 112 dalam surah *Ali`Imran* jelas menunjukkan perhubungan ini. Allah s.w.t berfirman:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا تُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِنَ النَّاسِ

*"Mereka ditimpa kehinaan di mana sahaja mereka berada, kecuali jika mereka menjaga hubungan dengan Allah dan menjaga hubungan dengan manusia....."*


(Ali `Imran(3):112)

Hubungan antara manusia dengan Allah membentuk agama, manakala hubungan antara manusia dengan manusia membentuk sosial. Hubungan antara manusia dengan manusia mestilah berpangkal antara hubungan manusia dengan Allah. Setiap tindakan dan perbuatan dalam masyarakat mestilah merujuk kepada suruhan dan larangan Allah. Daripada hubungan antara manusia dengan manusia, wujudlah kebudayaan yang dibentuk oleh masyarakat. Kebudayaan kemudiannya dikecilkan lagi dengan prinsip-prinsip asas iaitu sosial, politik, ekonomi, ilmu pengetahuan, seni dan falsafah. Walau bagaimanapun, prinsip-prinsip asas



kebudayaan ini tidak boleh diputuskan hubungannya dengan Allah (Sidi Gazalba, 1984:7).

Memang tidak dinafikan pada mulanya seni bukan bahagian agama, tetapi seni adalah sebahagian daripada kebudayaan. *Din al-Islam* meliputi agama dan kebudayaan, maka dengan sendirinya kesenian merupakan sebahagian *din al-Islam*. Ianya juga diturunkan untuk menjawab fitrah, naluri atau keperluan asasi manusia yang mengarah kepada keselamatan dan kesenangan yang diistilahkan dalam Islam sebagai "*salam*" (Sidi Gazalba, 1984:7).



Kewujudan artifak-artifak yang diilustrasikan di permukaan kubah, halaman-halaman Al-Qur'an, di permukaan benda-benda yang lembut dan pejal menjelaskan kepada masyarakat bahawa wujudnya seni dalam kegiatan umat Islam. Sayyid Qutb menjelaskan:

*“ Islam tidak anti seni. Ia hendaklah meletakkan, menambahkan dan menyempurnakan apresiasi dan nilai-nilainya, guna terciptanya apresiasi dan nilai-nilai baru yang berdaya mampu menambahkan rasa seni yang kreatif membentuk kesenian Islam”.*

(Sayyid Qutb, 1984:14)

Hal ini jelas membuktikan bahwa penerimaan dan pengiktirafan Islam terhadap seni. Jikalau pendapat ini tidak diterima oleh manusia, ianya seolah-olah seperti menentang dan menafikan fitrah diri manusia yang mempunyai naluri terhadap sesuatu yang indah. Perasaan suka kepada seni ataupun sesuatu yang indah merupakan anugerah daripada Allah yang amat berharga kepada manusia.

Selain itu, kejadian manusia juga menunjukkan seindah-indah kejadian dan manusia juga merupakan makhluk yang paling sempurna. Tempat tinggal manusia juga dihiasi dengan pelbagai keindahan. Terdapat dalil-dalil dalam Al-Qur'an yang menunjukkan keadaan ini.

Dalam Surah An-Nur: 35 dan As-Sajadah:7 Allah s.w.t berfirman:

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِهِ ۚ كَمَشْكُورَةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ  
فِي زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ  
لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ ۖ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُّورٌ عَلَى نُورٍ  
يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ ۚ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ ۚ وَاللَّهُ بِكُلِّ  
شَيْءٍ عَلِيمٌ

*“Allah (pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi. Perumpamaan cahaya Allah adalah seperti sebuah lubang yang tak ditembusi yang di dalamnya ada pelita besar. Pelita itu di dalam kaca, seakan-akan*

bintang (yang bercahaya) seperti mutiara yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang banyak berkatnya, (yaitu) pohon zaitun yang tumbuh di sebelah timur (sesuatu) dan tidak pula di sebelah barat(nya), yang minyaknya (saja) hampir-hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. Cahaya di atas cahaya (berlapis-lapis), Allah membimbing cahaya-Nya siapa yang Dia kehendaki dan Allah membuat perumpamaan bagi manusia dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu”.

(An-Nur(24):35)

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَلَقَهُ وَبَدَأَ خَلْقَ الْإِنْسَانِ مِن طِينٍ

“Allah yang membuat segala sesuatu yang Dia ciptakan seindah-indahnya dan yang memulakan penciptaan manusia dari tanah”.

(As-Sajadah(32):7)

Dalam surah Al-A`raf :31-32 pula Allah berfirman:

يٰٓبَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِندَ كُلِّ مَسْجِدٍ  
قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ

“Hai anak Adam, pakailah pakaianmu yang indah di setiap (memasuki) masjid..... Katakanlah: “Sesiapa yang mengharamkan perhiasan dari Allah yang telah dikeluarkan-Nya untuk hamba-hambanya.....”.

(Al-A`araf(7):31-32)

Persoalannya di sini, bukankah indah itu merupakan satu aspek atau makna seni. Ini bermakna bahawa Islam tidak pernah menolak kesenian. Al-Qur'an sendiri mengakui dan menerima kecintaan manusia kepada keindahan dan kesenian

sebagai salah satu fitrah semulajadi anugerah Allah s.w.t kepada manusia. Begitu juga dengan Hadith Nabi yang menerima kesenian dalam kehidupan manusia. ***Sabda Rasulullah yang bermaksud: " Keindahan itu menengahkan segala hati dan ubat untuk luka, sesungguhnya keindahan adalah perhiasan dan kebahagiaan hidup"*** (Mahayudin Hj Yahya, 1998:429).

Ini bererti Al-Qur'an dan Al-Hadith mengakui dan menerima kecintaan manusia kepada keindahan dan kesenian. Ia merupakan salah satu fitrah semulajadi yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada manusia. Tentunya di sini, kelihatan bahawa seni tidak dapat dipisahkan oleh ajaran agama. Sifatnya sebagai agama yang syumul membenarkan imiginasi dan kreativiti yang sememangnya ada dalam pemikiran manusia.

#### **1.4 CIRI-CIRI KESENIAN ISLAM**

Seperti mana yang disebut sebelum ini, bahawa Islam sebagai agama atau ad-Din yang serba lengkap juga mengambil kira hal kesenian dalam kehidupan manusia dan juga perundangannya. Justeru itu, Islam telah menentukan garis panduan seni yang diredai oleh Allah s.w.t. Seni Islam mempunyai ciri-ciri tertentu yang membezakannya di antara seni yang lain.

Seni Islam ialah seni yang bertitik-tolak dari akidah Islam dan berpaksi kepada doktrin tauhid iaitu pengesaan Allah s.w.t dan seterusnya direalisasikan

dalam karya-karya seni. Ia tidak bercanggahan dengan akidah, syarak dan akhlak. Perbezaan di antara seni Islam dengan seni yang lain ialah niat atau tujuan dan nilai akhlak yang terkandung di dalam sesuatu hasil seni itu. Ini berbeza dengan kesenian Barat yang sering mengenyahkan persoalan akhlak dan kebenaran. Ekoran itu, dalam seni Islam tidak wujud ukiran patung-patung, gambar-gambar haiwan dan makhluk yang bernyawa (Abdul Hayei b. Abdul Sukor, 1994:22).

Dalam kesenian Barat pula, penciptaan imej selalunya menjadi watak utama bagi seniman-seniman Barat (Ismail R. al-Faruqi, 1973:99; Ibrahim Titus Burchardt 1989:73). Imej manusia yang digambarkan sebagai pusat aktiviti dianggap seni yang agung. Ibrahim Burkhardt menjelaskan:

*“Hampir kesemuanya di dalam seni Eropah dinyatakan di dalam bentuk imej. Akibat daripada itu martabat tertinggi di dalam hierarki kesenian Eropah diberikan kepada lukisan figuratif dan seni pahatan. Ini dianggap seni yang sebenarnya seni sedangkan seni bina misalnya bersyarat kepada keperluan teknikal lain mendapat kedudukan yang lebih rendah”.*

(1989:73)

Adanya unsur-unsur agama dalam seni, maka dengan sendirinya ia mengandungi moral. Menurut Islam, seni dan moral ataupun akhlak saling berkait di antara satu sama lain. Karya seni dikehendaki mengandungi nilai-nilai murni yang melambangkan akhlak, atau paling tidak, berbentuk neutral, iaitu bebas daripada nilai-nilai negatif. Jika sekiranya terdapat nilai-nilai negatif walaupun yang mencipta karya itu beragama Islam, maka ia terkeluar daripada kategori seni Islam

(Mahayudin Hj Yahya, 1998:430). Di sini saya suka melihat tafsiran yang dibuat oleh Lois Lamy al-Faruqi yang mengatakan bahawa kesenian Islam itu bukanlah terhad kepada ciptaan atau bangunan yang berunsur keagamaan semata-mata. Kesenian juga meliputi semua hasil ciptaan yang dihasilkan melalui kemahiran dan mempunyai nilai estetika dan menyampaikan perutusan Islam tidak mengira sama ada digunakan untuk tujuan keagamaan atau tidak (Mahayudin Hj Yahya, 1998:430). ✓

Seni Islam mestilah mempunyai hubungan dengan pandangan semesta Islam atau "*worldview*" Islam, iaitu dengan pandangan wahyu Islam yang mempengaruhi seni secara langsung dan seluruh seni Islam umumnya. Selain itu, hubungan antara wahyu Islam dengan seni Islam dibuktikan oleh hubungan organik antara seni ini dengan ibadah Islam dan antara kontemplasi tentang Tuhan seperti yang dianjurkan dalam Al-Qur'an (Seyyed Hossein Nasr, 1987:4).

Seni Islam terpancar daripada wahyu Allah, iaitu Al-Qur'an dan Hadith Rasulullah sama seperti undang-undang Allah dan syariat-Nya. Maknanya ia harus berada di bawah lingkungan dan peraturan wahyu-Nya. Al-Qur'an juga membekalkan doktrin kesatuan manakala Hadith pula merupakan manifestasi kesatuan dalam kepelbagaian dan kesaksian dalam kesatuan kepada ciptaannya. Tanpa kedua-dua sumber ini, iaitu Al-Qur'an dan Hadith, maka tidak adalah kesenian Islam. Seni Islam bukan sahaja kerana ianya telah dicipta oleh orang Islam tetapi kerana ia berlandaskan wahyu Ilahi (Seyyed Hossein Nasr, 1987:6-7; 1994:104).

Keindahan kesenian Islam terpancar dalam bidang-bidang yang telah diterokai oleh seniman-seniman Islam. Golongan ini juga telah berjaya menemui pendekatan dan perlembagaan yang mendekatkannya dengan cita rasa keagungan penciptaan dan kekudusan terhadap Allah. Implikasi dari itu, ia telah diterima oleh masyarakat sebagai identiti yang memaparkan ciri-ciri kesenian Islam (Ahmad Kamal Abdullah, 1990:96).

Tujuan seni Islam ialah untuk Allah kerana ia memberi kesejahteraan kepada manusia. Oleh itu, seni adalah satu unsur untuk memberi kesejahteraan kepada manusia. Dengan ini, seni Islam bukanlah seni untuk seni dan bukan pula seni untuk sesuatu, tetapi sekiranya pembentukan seni itu untuk tujuan kemasyarakatan yang mulia, itu adalah bersesuaian dengan seni Islam (Amir A. Rahman, 1991:135).

Seni Islam dapat dibezakan dengan seni yang bertentangan dengannya berdasarkan kepada niat penciptaan dan nilai akidah, syarak dan akhlak yang dijemakan oleh kesenian tersebut. Kesenian Islam dicetuskan dengan niat untuk mendapat keredaan Allah s.w.t. Sedangkan kesenian yang tidak berbentuk Islam diciptakan untuk tujuan takbur, riak, menaikkan nafsu syahwat, merosakkan akidah, syarak dan akhlak. Hal ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w di dalam Hadith yang diriwayatkan oleh Muslim, terjemahannya:

*"Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda: "Tidak masuk syurga*

*sesiapa yang di hatinya mempunyai perasaan takbur dan tidak masuk neraka sesiapa yang di hatinya mempunyai sebesar atom daripada iman". Maka berkata seorang lelaki: "Sesungguhnya saya sukakan pakaian saya indah dan saya perindahkan apakah itu takbur" Rasulullah s.a.w menjawab: "Sesungguhnya Allah itu Maha Indah. Dia suka kepada keindahan. Takbur ialah sombong tidak mahu menerima yang hak dan memandang hina kepada manusia".*

(Hadith Muslim)

Dalam erti kata yang lain, seni Islam ialah seni yang mementingkan nilai-nilai akidah, syarak dan akhlak. Seni Islam dapat dirumuskan sebagai ciptaan bentuk-bentuk yang indah dan menyenangkan ataupun yang mempunyai nilai-nilai estetika yang berpadu dengan nilai-nilai Islam. Tetapi apa yang penting di sini, seni Islam ialah seni yang berpaksikan pada doktrin tauhid.

## **1.5 SEJARAH SENI ISLAM**

Islam terbina dari tauhid iaitu keyakinan bahawa Tuhan itu Maha Esa. Pada umumnya, sejarah seni Islam bermula sejak wujudnya agama tauhid di atas muka bumi ini. Ini kerana seni Islam berpaksikan doktrin tauhid iaitu pengesaan kepada Allah s.w.t. Tauhid tidak menghalang kita berkreatif dalam seni dan menghayati keindahan. Sebaliknya Tauhid membenar malah menggalakkannya. Tauhid melihat bahawa keindahan mutlak hanya terdapat pada Tuhan dan wahyunya, lalu terbentuklah satu kesenian yang sesuai dengan prinsip ini.

Justeru itu, kesenian Islam merupakan kesinambungan daripada



kesenian zaman silam yang berasaskan oleh tauhid. Tetapi apabila merujuk kepada kisah Al-Qur'an, ia jelas kelihatan bermula sejak zaman Nabi Allah Daud dan puteranya Nabi Sulaiman(a.s.) (Engku Ibrahim Ismail & Abdul Ghani Shamsudin, 1992 4). Kesenian ini berterusan hingga kini selagi bentuk dan falsafahnya masih berorientasikan Islam yang menitikberatkan kesejajaran dengan tauhid dan syarak.

Di dalam Al-Qur'an ada mengatakan Nabi Daud mempunyai suara yang merdu seperti firman Allah yang berbunyi:

وَنَقَدْنَا دَاوُدَ مِنَّا فَضْلًا يٰجِبَالُ اٰوِيْ مَعَهُ وَالطَّيْرُ

*"Dan sesungguhnya telah kami berikan kepada Daud kurnia dari Kami (Kami berfirman): "Hai gunung-gunung dan burung-burung, bertashihlah berulang-ulang bersama Daud.....". (Saba'(34):10)*

Nabi Daud juga merupakan insan yang pertama yang menggunakan keindahan suaranya yang merdu sehingga membawa kekhusyukkan dan kekudusan diri terhadap Yang Maha Esa. Keindahan dan kemerduan suaranya memuji Allah sehingga menyebabkan burung-burung dan gunung-gunung turut sama melagukan pujian kepada Allah s.w.t.(Abdullah Yousuf Ali, Vol II:923). Dari sini, kesan seni yang menonjol ialah berupa karya seni suara. Kisah ini juga dinyatakan oleh Rasulullah di dalam satu Hadith. Pada suatu malam Rasulullah mendengar Abu Musa al-Asy'ari membaca Al-Qur'an dengan suara yang merdu, lantas beliau bersabda:

*"Sesungguhnya anda telahpun dikurniai Allah suara mizmar keluarga Daud".*

(Engku Ibrahim Ismail & Abdul Ghani Shamsudin, 1992:5)

Selain itu, Nabi Daud juga diberi mukjizat untuk melembutkan besi iaitu seperti firman Allah:

وَأَنَّا لَهُ الْحَدِيدَ

*".....dan Kami telah melembutkan besi untuknya".*

(Saba'(34):10)

Daripada besi itu, Nabi Daud telah membuat baju-baju besi untuk peperangan seperti ayat seterusnya iaitu:

أَنْ أَعْمَلَ سَبْعَ سَبْعَاتٍ وَقَدَّرَ فِي السَّرْدِ

*"(Iaitu) buatlah baju besi yang besar-besar dan ukurlah anyamannya".*

(Saba'(34):11)

Ini juga merupakan satu kesenian yang memerlukan kepakaran oleh seorang seniman. Nabi Daud bukan sahaja seorang nabi dan rasul malah juga sebagai seorang seniman Muslim. Begitu juga semasa pemerintahan Nabi Sulaiman, terdapat objek-objek seni seperti seni bina, seni tampak yang terdapat pada zaman kerajaan Nabi Sulaiman (Al-Qur'an, Surah Saba'(34):11-13).

Daripada kisah sejarah Al-Qur'an ini, seni Islam terus berkembang

sehingga hari ini. Walau bagaimanapun, titik permulaan perkembangan seni Islam ialah apabila Islam bertapak di atas muka bumi ini, iaitu pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. Contohnya seperti seni bina, perkembangannya telah bermula dengan terdirinya masjid yang pertama di dalam Islam yang dibina oleh Rasulullah s.a.w iaitu di Quba'.

Bertitik-tolak dari sejarah dan kisah yang disebut di atas, seni Islam terus berkembang dengan secara evolusi yang mana mempunyai zaman awal, pertumbuhan, perkembangan, kemunduran dan seterusnya zaman kesedaran dan kebangkitan. Ia telah memberi tempat kepada seniman-seniman Muslim untuk menghasilkan hasil seni yang tidak bertentangan dengan doktrin Islam.